

**SUKAN MALAYSIA IX, 2002**  
**PERATURAN PERTANDINGAN OLAHRAGA**  
**(LELAKI & WANITA )**

**1.0 PERATURAN AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang **KESATUAN OLAHRAGA AMATUR MALAYSIA (KOAM)**.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
  - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-Undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM).

**2.0 TARIKH PERTANDINGAN**

09 Sept hingga 12 Sept, 2002.

**3.0 TEMPAT PERTANDINGAN**

Kompleks Sukan Kota Kinabalu,  
Kota Kinabalu,  
Sabah.

**4.0 PENYERTAAN**

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada berikut :-

#### 4.2.1 Pegawai

Satu (1) orang Pengurus  
Dua (2) orang Jurulatih Lelaki  
Dua (2) Jurulatih Wanita

#### 4.2.2 Peserta

4.2.2.1 Setiap peserta hanya boleh didaftar untuk menyertai tiga (3) acara perseorangan dan dua (2) acara berpasukan.

4.2.2.2 Setiap Pasukan dibenarkan menyenaraikan hanya dua (2) orang peserta bagi acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.

## 5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan, dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama Borang Pendaftaran peserta. Bagi peserta PDRM, kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera DiRaja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan

BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

- 5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat dermasiswa/biasiswa daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang peserta olahraga kebangsaan hanya dibenarkan menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am Perkara 20.11.

## **6.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau BAT C 10 Pasport Antarabangsa atau Dokumen Pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

## 7.0 ACARA-ACARA

7.1 Pertandingan ini terbahagi kepada acara-acara seperti berikut :-

### 7.1.1 Balapan Lelaki

- |              |                            |
|--------------|----------------------------|
| 1) 100M      | 9) 110M Lari Berpagar      |
| 2) 200M      | 10) 400M Lari Berpagar     |
| 3) 400M      | 11) 3,000M Lari Berhalang  |
| 4) 800M      | 12) 10,000M Jalan Kaki     |
| 5) 1,500M    | 13) 20,000M Jalan Kaki     |
| 6) 5,000M    | 14) 4 x 100M Lari Berganti |
| 7) 10,000M   | 15) 4 x 400M Lari Berganti |
| 8) Dekathlon |                            |

### 7.1.2 Padang Lelaki

- |                     |                       |
|---------------------|-----------------------|
| 16) Lompat Tinggi   | 20) Lontar Peluru     |
| 17) Lompat Jauh     | 21) Lontar Cakera     |
| 18) Lompat Kijang   | 22) Merejam Lembing   |
| 19) Lompat Bergalah | 23) Baling Tukul Besi |

### 7.1.3 Balapan Wanita

- |         |                       |
|---------|-----------------------|
| 1) 100M | 8) 400M Lari Berpagar |
| 2) 200M | 9) Hepthathlon        |
| 3) 400M | 10) 5,000M Jalan Kaki |

4)	800M	11)	10,000M Jalan Kaki
5)	1,500M	12)	4 x 100M Lari Berganti
6)	5,000M	13)	4 x 400M Lari Berganti
7)	100M Lari Berpagar		

#### 7.1.4 Padang Wanita

14)	Lompat Tinggi	18)	Lontar Peluru
15)	Lompat Jauh	19)	Lontar Cakera
16)	Lompat Kijang	20)	Merejam Lembing
17)	Lompat Bergalah	21)	Baling Tukul Besi

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Bagi ketinggian pagar dalam acara berpagar Lelaki/Wanita akan menggunakan had ketinggian seperti yang digunakan dalam mana-mana pertandingan senior.

8.2 Bagi berat alat-alatan sukan seperti Peluru, Cakera dan Lembing Lelaki/Wanita dan acara Baling Tukul Besi juga akan menggunakan kategori berat yang digunakan dalam mana-mana pertandingan senior.

8.3 Ketinggian dalam acara Lompat Tinggi Lelaki/Wanita dan Lompat Kijang dan Lompat Bergalah Lelaki adalah seperti berikut :-

#### 8.3.1 Lompat Tinggi Lelaki

Untuk latihan, ketinggian palang adalah 1.65 meter. Untuk pertandingan ketinggian palang akan bermula 1.70 meter yang kemudiannya dinaikkan seperti yang ditetapkan.

#### 8.3.2 Lompat Tinggi Wanita

Untuk latihan, ketinggian palang adalah 1.35 meter. Untuk pertandingan ketinggian palang akan bermula pada 1.40 meter yang

kemudiannya akan dinaikkan seperti yang ditetapkan.

### 8.3.3 Lompat Bergalah Lelaki

Untuk latihan acara lelaki, ketinggian palang adalah 3.00 meter. Untuk pertandingan ketinggian palang akan bermula pada 3.10 meter yang kemudiannya akan dinaikkan seperti yang ditetapkan.

### 8.3.4 Lompat Bergalah Wanita

Untuk latihan acara wanita, ketinggian palang adalah 1.65 meter. Untuk pertandingan tingginya palang akan bermula pada 1.75 meter yang kemudiannya akan dinaikkan seperti yang ditetapkan.

## **9.0 MASA MELAPORKAN DIRI**

### 9.1 Acara Balapan

Semua peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta 30 minit sebelum acara-acara mereka bermula.

### 9.2 Acara Padang

Semua peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta 45 minit sebelum acara-acara mereka bermula.

### 9.3 Sebarang perubahan atau pindaan mengenai perkara 10.1 dan 10.2 akan dimaklumkan kelak.

## **10.0 PENGGANTIAN**

### 10.1 Bagi acara Lari Berganti-ganti, penggantian pelari boleh dibuat dengan peserta yang telah didaftarkan sahaja. Dengan itu semua nama peserta yang mengambil bahagian hendaklah diserahkan kepada

Pegawai bertugas bersama dengan Borang Penyertaan.

- 10.2 Seseorang peserta yang diterima sebagai pengganti dibenarkan mengambil bahagian dalam acara-acara yang telah didaftarkan oleh peserta yang menarik diri dan hendaklah dibuat semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 10.3 Bagi acara (perseorangan) dan berpasukan, peserta yang telah didaftarkan sahaja yang layak mengambil bahagian. Peserta gantian tidak dibenarkan.

## **11.0 PEMBATALAN**

- 11.1 Semua peserta yang telah melayakkan diri dari pusingan awal ke pusingan berikutnya, tidak dibenarkan menarik diri daripada menyertai acara tersebut.
- 11.2 Sekiranya berlaku, maka peserta berkenaan akan dibatalkan daripada pertandingan berikutnya kecuali dengan kebenaran daripada Referi atau Doktor (jika kecederaan).

## **12.0 ABJAD/NOMBOR PESERTA**

- 12.1 Peserta tidak dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai ABJAD/NOMBOR yang ditentukan di hadapan dan di belakang badan. Hanya peserta-peserta Lompat Tinggi dan Lompat Bergalah sahaja dibenarkan memakai satu nombor.

## **13.0 PERALATAN**

- 13.1 Dalam acara Lompat Bergalah, seseorang peserta itu dibenar menggunakan galah sendiri. Semua alat pertandingan termasuk Blok Permulaan (Starting Block) akan disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

- 13.2 Peserta-peserta tidak dibenar menggunakan galah peserta yang lain kecuali mendapat kebenaran daripada peserta berkenaan.

## **14.0 SARINGAN**

### 14.1 Lima (5) Saringan

Hanya dua (2) peserta dari setiap saringan dan enam (6) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kelima-lima adalah layak memasuki peringkat Separuh Akhir.

### 14.2 Empat (4) Saringan

Hanya tiga (3) peserta dari tiap-tiap saringan dan empat (4) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari keempat-empat saringan layak memasuki peringkat Separuh Akhir.

### 14.3 Tiga (3) Peringkat Separuh Akhir

Hanya dua (2) peserta dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik dari ketiga-tiga Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

### 14.4 Dua (2) Peringkat Separuh Akhir

Hanya tiga (3) peserta dari tiap-tiap Separuh Akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kedua-dua Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

## **15.0 PEMBAHAGIAN LORONG**

- 15.1 Semua pembahagian lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga.



- 15.2 Bagi pusingan pertama, setiap peserta akan diundi untuk menentukan lorong masing-masing.
- 15.3 Bagi pusingan berikutnya, maka dua (2) undian akan dibuat seperti berikut :-
- 15.3.1 Undian pertama adalah untuk empat peserta atau pasukan yang telah mencatat masa terpantas bagi memutuskan tempat-tempat mereka di lorong 3, 4, 5 dan 6.
- 15.3.2 Undian kedua adalah untuk empat peserta atau pasukan lain yang telah melayakkan diri bagi memutuskan tempat mereka di lorong 1, 2, 7 dan 8.
- 15.4 Peraturan 15 adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

## **16.0 PENGADIL/PEGAWAI PERTANDINGAN**

- 16.1 Semua Pegawai Teknikal yang bertauliah akan dilantik oleh Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) setelah berunding dengan Persatuan Olahraga Amatur Negeri-Negeri dan PDRM untuk bertugas di sepanjang berlangsung.
- 16.2 Keputusan Pegawai Teknikal dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

## **17.0 BANTAHAN/TATATERTIB**

- 17.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00.
- 17.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

17.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah/Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat. Walau bagaimanapun semua prosedur aturcara bantahan hendaklah mengikut amalan yang digunakan oleh KOAM.

## **18.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB**

18.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah mengikut yang digunakan oleh Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia.

18.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

18.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib Olahraga SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

## **19.0 KAWASAN PERTANDINGAN**

19.1 Hanya pegawai-pegawai pertandingan yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding sahaja dalam acara masing-masing dibenarkan berada dalam kawasan pertandingan.

## **20.0 HADIAH-HADIAH**

20.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut :-

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
<b>LELAKI</b>			
100M	1	1	1
200M	1	1	1
400M	1	1	1
800M	1	1	1

1,500M	1	1	1
5,000M	1	1	1
10,000M	1	1	1
Dekathlon	1	1	1
110M Lari Berpagar	1	1	1
400M Lari Berpagar	1	1	1
3,000M Lari Berpagar	1	1	1
10,000M Jalan Kaki	1	1	1
20,000M Jalan Kaki	1	1	1
Lompat Tinggi	1	1	1
Lompat Jauh	1	1	1
Lompat Kijang	1	1	1
Lompat Bergalah	1	1	1
Lontar Peluru	1	1	1
Lempar Cakera	1	1	1
Merejam Lembing	1	1	1
Baling Tukul Besi	1	1	1
4 x 100M Lari Berganti	1	1	1
4 x 400M Lari Berganti	1	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>23</b>	<b>23</b>	<b>23</b>

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>
<b>WANITA</b>			
100M	1	1	1
200M	1	1	1
400M	1	1	1
800M	1	1	1
1,500M	1	1	1
5,000M	1	1	1
5,000M Jalan Kaki	1	1	1
10,000M Jalan Kaki	1	1	1

100M Lari Berpagar	1	1	1
400M Lari Berpagar	1	1	1
Hepthathlon	1	1	1
Lompat Tinggi	1	1	1
Lompat Bergalah	1	1	1
Lompat Jauh	1	1	1
Lompat Kijang	1	1	1
Lontar Peluru	1	1	1
Lempar Cakera	1	1	1
Merejam Lembing	1	1	1
Baling Tukul Besi	1	1	1
4 x 100M Lari Berganti	1	1	1
4 x 400M Lari Berganti	1	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>	<b>21</b>	<b>21</b>

20.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan Oleh :  
 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan  
 SUKAN MALAYSIA IX, 2002  
*peraturan am sukma 2002/OLAHRAGA/230301/AZHAR*